

**UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU****PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER II 2013/14 (PROGRAM SARJANA MUDA)**

NAMA KURSUS	:	KOMUNIKASI INTERPERSONAL
KOD KURSUS	:	COM 2101
TARIKH	:	12/06/2014 (KHAMIS)
TEMPAT	:	DSM
MASA	:	9.00 – 11.00 PAGI (2 JAM)

NO. MATRIK	:	_____
NAMA PROGRAM	:	_____
NO. MEJA	:	_____

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA** bahagian iaitu **Bahagian A dan B**.
2. Calon dikehendaki menjawab **SEMUA** soalan.
3. Sila tulis **nombor kumpulan (K1/K2/K3)** di muka depan kertas jawapan.

JANGAN BUKA BUKU SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 3 MUKA SURAT BERCETAK*

BAHAGIAN A (60 markah): Jawab semua soalan

1. Jelaskan konsep berikut:
 - a) Komunikasi interpersonal
 - b) Stereotaip
 - c) Kecerdasan emosi
 - d) Pendengaran kritikal
 - e) Kebimbangan sosial
 - f) Konflik interpersonal

(12 markah)

2. Dalam persepsi, terdapat **empat (4)** konstruk yang digunakan untuk mengkelaskan sesuatu maklumat berkaitan individu iaitu: Fizikal (*physical*), Peranan (*role*), Interaksi (*interaction*) dan Psikologikal (*psychological*). Jelaskan konstruk tersebut.

(12 markah)

3. Berdasarkan kepada frasa berikut: "*Change your words; Change your world*", jelaskan **tiga (3)** kepentingan perkataan dalam hubungan sesama manusia.

(12 markah)

4. Jelaskan fungsi komunikasi bukan lisan di bawah:
 - a) Penampilan wajah
 - b) Tingkahlaku mata
 - c) Sentuhan
 - d) Tingkahlaku vokal
 - e) Penggunaan bau
 - f) Penggunaan masa

(12 markah)

5. Mendengar merupakan komponen penting dalam kehidupan manusia. Terdapat beberapa gaya mendengar dan halangan yang akan mempengaruhi keberkesanan sesuatu mesej yang disampaikan.
 - a) Jelaskan gaya mendengar berikut:
 - i) Gaya berorientasi individu (*people-oriented style*)
 - ii) Gaya berorientasi tindakan (*action-oriented style*)
 - iii) Gaya berorientasi kandungan (*content-oriented style*)

 - b) Jelaskan halangan mendengar berikut:
 - i) Ketepuan maklumat
 - ii) Pendengaran *pseudo*
 - iii) Berfikiran tertutup

(12 markah)

BAHAGIAN B (40 markah): Jawab DUA soalan sahaja.

1. Secara umumnya, terdapat tiga kategori emosi iaitu: keseronokan, permusuhan dan kesedihan.
 - a) Bincangkan emosi yang pernah anda alami dan jelaskan punca terjadinya ketiga-tiga jenis emosi tersebut.
 - b) Jelaskan pengaruh teknologi dan personaliti terhadap luahan emosi? **(20 markah)**

2. Terdapat empat (4) faktor yang menyumbang kepada tarikan interpersonal: iaitu penampilan (*appearance*), jarak (*proximity*), keserupaan (*similarity*) dan pelengkap (*complementarity*). Bagaimanakah kesemua faktor tersebut mempengaruhi anda membina perhubungan dengan rakan di UMT sekarang? **(20 markah)**

3. Konflik berlaku akibat dari perbezaan pandangan di antara individu yang saling bergantung antara satu sama lain.
 - a) Berikan dua (2) situasi konflik yang pernah anda hadapi.
 - b) Bagaimanakah gaya pengurusan konflik Blake & Mouton boleh membantu anda menyelesaikan konflik tersebut? **(20 markah)**

4. Kepentingan komunikasi dalam keluarga antaranya adalah bertujuan untuk pembentukan konsep sendiri, dan sebagai model tingkahlaku komunikasi dalam kalangan anak-anak.
 - a) Bagaimanakah keluarga telah mempengaruhi pembentukan konsep sendiri dan tingkahlaku komunikasi anda?
 - b) Bincangkan dua (2) kaedah yang diamalkan dalam keluarga bagi meningkatkan kualiti komunikasi keluarga? **(20 markah)**

Kertas soalan tamat